

PEMIKIRAN PERIKEMANUSIAAN TIONGHUA
& PENGURUSAN MODEN

3

中华人文思想与现管理

Oleh Dr Yap Sin Tian DBA(SCU)

叶新田博士译著

F272
201363.3
3

阅 览

**Pemikiran Perikemanusiaan Tionghua &
Pengurusan Moden**
中华人文思想与现代表理



Buku ③

**Pembinaan Moral Murni:
Sasteraan dan Komunikasi**

第三册 文学翻译与沟通

Antologi Puisi Mahua
现代马华诗歌选译

Dong Jiao Zong & Bahasa Ibunda

-- Wawancara Yap Sin Tian oleh majalah "MASA"

马来文杂志《MASA》专访叶新田的访谈摘要

Pemikiran Perikemanusiaan Tionghua & Pengurusan Moden
中华人文思想与现管理

Buku ③ Pembinaan Moral Murni: Sasteraan dan Komunikasi
第三册 文学翻译与沟通

Penulis 作者 : Dr.Yap Sin Tian DBA(SCU) 叶新田博士

Penerbit 出版 : 叶氏企管公司

Yap Management & Consultancy
12A, Jalan 1/130 B, Tiara Villa,
United Garden,
Off Jalan Klang Lama,
58200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

出版日期 : 2010年12月1日

印 刷 : Percetakan Hasil Sdn. Bhd.
No. 20, Jalan Kilang,
Taman Midah, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.

定 价 : 马币 RM100.00 (全套4册)

国际书号 : 978-967-0183-02-2

版权所有 翻印必究

Kandungan
目录

Buku ③
Pembinaan Moral Murni:
Sasteraan dan Komunikasi
第三册 文学翻译与沟通

■ Antologi Puisi Mahua	1
现代马华诗歌选译	81
■ Dong Jiao Zong & Bahasa Ibunda	162
-- Wawancara Yap Sin Tian oleh majalah "MASA"	
马来文杂志《MASA》专访叶新田的访谈摘要	182

Antologi Puisi Mahua

Prakata

PUISI yang dimuatkan dalam antologi kecil ini adalah pilihan hasil kumpulan penyair Mahua yang dianggap unggul dalam masa sepuluh tahun (1965-1975).

Sajak dalam antologi ini dikutip daripada karya berpuluh penyair yang pernah tersiar dalam akhbar atau majalah mahupun dalam antologi yang diterbitkan dalam mahupun di luar negara dan yang dianggap unggul. Ada antara sajak-sajak yang dipilih ini yang pernah memenangi pelbagai hadiah yang berprestij.

Setiap penyair dipilih satu sajaknya untuk mengisi antologi ini. Puisi yang dipilih boleh dikatakan beraneka-ragam sama ada dari segi bentuk, gaya penyampaian mahupun temanya. Bagaimanapun dalam pemilihannya, identiti setiap penyair tetap dipelihara.

Keistimewaan antologi ini terletak pada keindahan

irama dan warna kehidupan tempatan, antaranya ada yang berirama keintelektualan, peri penderitaan penarik beca, nelayan tua, wanita pekerja kilang dan suara jiwa dari pekerja lombong bijih, pekebun nenas dan sebagainya. Ada juga yang memuja dan merindui pemandangan dan tanah air yang begitu gagah dan indah permai. Pada tingkat tertentu membayangkan kehidupan dan jiwa rakyat pelbagai lapisan masyarakat. Haluan penciptaannya pada dasarnya menganut jalan realisme.

Sajak "Menganyam Daun Nipah", "Seorang Nelayan Tua", "Tukang Jahit Perempuan", "Pekerja Wanita di Kilang Plastik", "Tukang Kasut Tua" dan banyak lagi yang lain adalah bayangan masalah hidup dan penderitaan yang dialami oleh golongan majoriti dalam masyarakat. Kehidupan anak muda dengan pelbagai gelora di dadanya terbayang dalam sajak cinta kasih kepada tanah air seperti misalnya jelas dalam "Aku Ingin Menyanyikan Untuk Tanah Air", "Menyusuri Sepanjang Jalan Untuk Tanah Air" dan banyak lagi. Selain itu, sajak-sajak yang bukan sekadar merintih dan merayu melainkan meneroka dan menembusi alam kabus persaudaraan seluruh dunia misalnya terdapat dalam "Lagu Kita", "Kepada Afrika" dan sebagainya. Dengan demikian pembaca tidak sahaja dapat menikmati tema dan bentuk yang beraneka ragam hasil penyair Mahua tetapi juga menikmati bahasa yang

digubah indah sama ada memainkan peranan sebagai simbol mahupun sindiran yang tajam menikam jantung hati.

Sajak Mahua baru adalah satu cabang utama dalam bidang kesusasteraan Mahua yang usianya meskipun kurang lebih 50 tahun namun mewarisi tradisi sastera baru China yang mengandungi semangat perjuangan serta tidak terpisah dengan warna tempatan hasil perhubungan rapat dengan kehidupan tempatan.

Haluan sastera baru Mahua selama-lamanya berpegang teguh kepada sikap realisme. Sajak-sajak berunsur realisme ini disunting dengan cermat untuk antologi ini dan dihidangkan untuk tatapan umum sebagai satu persembahan yang jujur. Moga-moga antologi yang tidak sepertinya ini diterima oleh pembaca serta mendapat reaksi daripada kalangan pengkritik.

Sebagai penterjemah dan penyusun terus terang saya mengakui kelemahan saya sama ada sebagai penterjemah atau penyusun kerana kerja ini sebenarnya bukan satu kerja yang ringan. Namun, bagaimana pun sukar, saya sebenarnya memperoleh bantuan teman-teman yang dalam hal ini di sini dirakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya.

Harapan saya antologi kecil ini dapat dijadikan titik permulaan kepada usaha yang lebih besar untuk

memperkenalkan hasil yang sebelum ini tidak dikenali ramai pembaca Melayu kerana tulisannya dalam bahasa Tionghua. Selain itu hasil sastera Mahua juga jarang dibukukan atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Usaha sulit ini tentulah tidak terelakkan daripada segala kekurangan dan kelemahannya. Untuk itu, teguran dan kritikan membina amatlah diperlukan semoga usaha kecil ini dapat dimanfaatkan bersama.

Dr. Yap Sin Tian
Kuala Lumpur
Februari 2005

Mah Tuan

***AKU INGIN MENYANYIKAN LAGU UNTUK
TANAH AIR***

Aku ingin menyanyikan lagu untuk tanah air
suara dan irama laguku tak akan berubah
aku tak akan bersedih meskipun hari suram
masa depan tanah air terpencar cemerlang.

Aku selalu terkenangkan penyair patriotik kurun ke-19
Heinrich hidup dalam hawa dingin Jerman
sajaknya menyala membakar kerajaan Prussia
merebak seperti lautan api
beban derita rakyat Hungary
Petofi Sandor dengan gagah mara seperti sebilah pedang
api
dalam zaman kekejaman itu A. Pushkin memuja kebebasan
oleh lagunya, Raja Tsar bersama takhtanya terguling.

Zaman kini, ketika aku terkenang Hickmeter
sepuluh tahun merengkok dalam penjara
cuma kerana sajaknya diminati rakyat

aku menjadi ingin terbang ke Turk
untuk menyelamatkannya.

Aku ingin menyanyikan lagu untuk tanah air
cintaku adalah api menyala
di bawah panji-panji berkibar berseri
penaku adalah senapang penyerang yang berani.

Mah Sung

SESIAPA YANG CINTAKAN TANAH AIR

Namun tanpa senyuman pada wajah tanah air
ia terus menyanyi meskipun sakit
selama jantung berdetak bergerak
suaranya lebih lantang daripada tembakan senapang
tiada gentar pada malam yang larut.

Janganlah tertawakan aku kerana asyik pada puisi
Heinrich penyair Jerman umpama pedang dan api.

Kini jika sesiapa cintakan tanah air
berjuanglah pada baris hadapan seperti Heinrich!

Hai Noi

KEPADA AFRIKA

Air muka saudara hitam, sehitam pekat malam
detik jantung saudara sehebat nyala api membakar
baju saudara compang-camping dengan kain usang
namun fikiran saudara segar, sesegar bunga-bunga
yang sedang berkembang di taman.

Kerut dahi saudara
mata saudara yang menyalakan api pembelaan
kaki dan tangan berdering-dering
dengan suara rantai yang terpusut
mulut saudara menyanyikan lagu
dengan lantang ke seluruh dunia.

Oh saudara kawan-kawan berkulit hitam
benua Afrika di kejauhan
dulu saudara hitam, sehitam pekat malam
kini lihatlah di depan cahaya cerah seterang surya.

Loh Jian Min

WANITA TUKANG RUMAH

Sebatang kayu pengandar dan dua tong besi di bahu
kau menggalas memikul di atas bahu
tong besi yang bulat itu apakah isinya?
Sarat muatan pasir-pasir halus
penuh simen dan pecahan batu-bata
namun kau mampu memikulnya
hingga ke tingkat atas bangunan sedang dalam pembi-
naan itu.

Hitam legam kulitnya
berbonggol keras bahunya
namun badannya lebih sihat
bergerak saja kau memikul tong besi
sambil memikul bebanan yang sarat
menggalas pula bebanan hidup yang lebih berat.

Goh Liang

MENGANYAM DAUN NIPAH

Dalam pondok ada seberkas kulit rotan
dengan sebilah pisau
selenggok batang nipah dan selapis daun nipah
mereka menganyam dengan sibuk.

Pinggang sakit, tulang belakang sakit
kepala pening tangan penat
tetapi terpaksa terus bekerja
terus menganyam dalam sunyi
kerana itulah nafkah diri.

Dalam kesibukan sepanjang hari
berapakah nipah dapat dianyam?
Dalam kesibukan sepanjang hari
berapa ganjarankah wang balasan?

Begitulah berlalu usia emasnya
begitulah lenyapnya pun dengan senyap juga.

Sheng Wang

SEORANG NELAYAN TUA

Ubannya penuh seluruh kepala
air mukanya kurus dan kulit kurang darah
baju koyaknya kuyup oleh air laut
kemudian kering oleh air laut.

Seumur hidupnya mencari nafkah dengan jaring
jaring itu pula menghabiskan usianya
puluhan tahun sebagai nelayan tua
wang simpanannya sedikitpun tiada.

Puluhan tahun menampal jaring-jaring ikan
puluhan tahun menampal perahu ikan
bajunya koyak dan berbau hamis garam
tidak pernah ditampal sulam oleh orang.

Siang dan malam silih berganti, jaringlah temannya
ketika pulang ke bilik kecil dan malap
dengan pendapatan seringgit dua hanya
lapar serta penat berterusan.

Siapakah sudi mendengar kisah hidupnya yang sedih
sedang semua orang malang sama seperti
tanpa berumah tangga
anak isteri cuma dalam mimpi
tanpa rumah tempat berehat
hanya laut dan perahu kecilnya.

Kerisauannya lebih lebar dan dalam daripada laut
di kedai minuman kecil yang nyaman di pantai
wang hasil keringat terserah pada tuan kedai
itulah balasan pahit, iaitu mabuk yang hebat.

Kini ia terbaring beralaskan simen di bilik usang
seolah-olah dia sajalah di dunia fana ini
di situlah ia leka dan bermimpi
dan kemudian terjaga oleh panggilan angin
angin laut yang bertiup sebentar lagi.

Li Zhin Yong

TUKANG JAHIT BAJU PEREMPUAN

Masa keemasan berjalan melalui liang-liang jarum
zaman remaja terbang dalam pusingan roda
setiap hari dan malam tiada ruang kosong
menjahit menyulam untuk orang lain.

Mengayuh kuat dengan kedua kakinya
menarik kuat dengan kedua tangannya
selesai menjahit baju menggantung seluar pula
namun gajinya amat sedikit.

Ini baju Encik A
itu baju perkahwinan Encik B
oh tukang jahit wanita yang muda
bila agaknya akan menjahit
sehelai baju untukmu sendiri?